

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 13 April 2017 9:38
To: UUM - All Staff
Subject: AUDIT DALAMAN TRIPLE ISO OYAGSB



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



13 APRIL 2017/ 16 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

AUDIT DALAMAN *TRIPLE* ISO OYAGSB



IPQ ONLINE : Pada 10-11 April 2017, Audit Kualiti Dalam bagi pensijilan *Triple ISO* Othman Yeop Abdullah Graduate School Of Business (OYAGSB) telah dijalankan oleh tujuh (7) juruaudit dalaman UUM iaitu Prof. Madya Dr. Sany Sanuri bin Mohd. Mokhtar, Prof. Madya Dr. Faizuniah Bt Pangil, Prof. Madya Dr. Salniza Bt Md. Salleh, Dr. Nor Azimah Chew binti Abdullah, Puan Rozana Bt Mohamed Hanifa, Puan Nurul Hamiza Binti Hamzah dan Puan Faizah Bt Hashim.

Proses audit dalaman ini dijalankan bagi membantu pihak OYAGSB membuat persediaan sebelum menghadapi audit sebenar oleh pihak DQS CFS Certification (M) Sdn. Bhd. dan SIRIM QAS International yang akan dijalankan pada April - Jun 2017.

Pihak IPQ mengucapkan terima kasih kepada OYAGSB dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) sokongan yang lain seperti Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), UUM Information Technology (UUMIT), Uniutama Property Sdn. Bhd.(UPSB), Unit Pengurusan Risiko dan Jabatan Pendaftar kerana telah memberikan komitmen kepada semua juruaudit semasa proses audit tersebut dijalankan. Penemuan audit mendapati tiada *Non-Conformity Report* (NCR) dan hanya beberapa *Opportunities for Improvement* (OFI) sahaja ditemui.

Justeru itu, pihak IPQ berharap agar semua pihak yang terlibat memberikan kerjasama yang terbaik semasa proses audit sebenar nanti. Kerjasama semua pihak amatlah diharapkan bagi memastikan agenda universiti agar OYAGSB memperoleh pensijilan *Triple ISO* tercapai.

HABIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.